

# Dr. M gembira masih ramai ingin sambut hari jadinya

UM 28 JUL 2005  
SHAH ALAM 27 Julai – Tun Dr. Mahathir Mohamad gembira kerana masih ramai orang yang ingin menyambut hari jadinya.

“Bila dah 80 (tahun) ni, banyak pihak yang hendak buat sambutan. Malam ini pun ada, malam lusa ada lagi. Dua hari sudah, dalam satu majlis di Hotel Istana, Yang di-Pertuan Agong buat kek istimewa untuk saya. Ini menandakan banyak piliak yang ingat kepada saya,” katanya.

Bekas Perdana Menteri itu diraikan dalam satu majlis hari jadi bersama majalah *Bintang Kecil* di sini hari ini.

Secara berjenaka, Dr. Mahathir berkata, beliau sebenarnya tidak berminat untuk menyambut hari lahirnya kerana ia akan mengingatkan tentang umurnya yang semakin meningkat.

Katanya, biasanya apabila tiba hari lahirnya, beliau akan ke luar negara dan menyambutnya secara kecil-kecilan bersama isteri dan pegawai-pegawai pengiringnya.

Sebelum itu, beliau menjadi tetamu khas program ‘Sejenak Bersama Tun Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti Hasmah’ anjuran majalah tersebut.

Seramai kira-kira 40 kanak-kanak kemudian mendengar Dr. Mahathir bercerita mengenai kisah semasa kecilnya.

Mengenai permainan dan hobinya semasa kecil, Dr. Mahathir berkata, beliau ada bermain tin dan guli tetapi di bawah rumah sahaja kerana pada waktu itu tidak ada tempat lapang yang sesuai.

Katanya ular merupakan binatang yang paling beliau ‘geli’ sejak kanak-kanak sehingga sekarang.

Sementara itu, Siti Hasmah berkata, beliau pernah bercita-cita untuk menjadi wartawan kerana memang suka menulis dan membaca, malah tulisannya pernah tersiar di akhbar dan majalah *Young Malayan*.

Tetapi, katanya cita-cita itu terhenti kerana kesukaran untuk menulis dan mendapatkan bahan bacaan di zaman pemerintahan Jepun.

Selain itu, katanya, peristiwa melihat sendiri penderitaan ibunya yang diserang taun sehingga memaksa ayahnya memanggil semua adik-beradiknya untuk mendoakan kesejahteraan ibu mereka mengubah cita-citanya untuk menjadi doktor.